

HAJJAH KHADIJAH BINTI HAJI ABDULLAH SEBAGAI TOKOH DAKWAH AL-QURAN WANITA: SUMBANGAN TERHADAP PERKEMBANGAN PENGAJIAN AL-QURAN DI MACHANG, KELANTAN

HAJJAH KHADIJAH BINTI ABDULLAH AS A FEMALE QUR'ANIC DA'WAH FIGURE: CONTRIBUTIONS TOWARDS THE DEVELOPMENT OF QUR'ANIC STUDIES IN MACHANG, KELANTAN

Shafiza Safie*¹

Muhammad Hawez Qarni Ahmad²

Nurul Hidayah Awang@Ab Rahman³

Mohd Khairul Anuar Ismail⁴

¹ Akademi Pengajian Islam Kontempori (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia. (Email: shafizasafie@uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontempori (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia. (Email: hawezqarni@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontempori (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia. (Email: nurul659@uitm.edu.my)

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontempori (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia. (Email: anuar789@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 3-5-2026

Revised date : 4-5-2026

Accepted date : 23-6-2026

Published date : 15-7-2026

To cite this document:

Safie, S., Ahmad, M. H. Q., Awang @ Ab Rahman, N. H., & Ismail, M. K. A. (2026). Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah sebagai tokoh dakwah al-Quran wanita: Sumbangan terhadap perkembangan pengajian al-Quran di Machang, Kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 502 – 514.

Abstrak: Dakwah ialah teras kelangsungan ummah dan kegemilangan tamadun. Ia tidak terbatas kepada lelaki sahaja tetapi juga kepada wanita juga. Begitulah dengan Hajjah Khadijah binti Abdullah dalam memastikan generasi Al-Quran terus gemilang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti latar belakang tokoh Al-Quran di Machang Kelantan iaitu Hajjah Khadijah binti Abdullah dan menganalisis peranan Hajjah Khadijah binti Abdullah terhadap perkembangan pengajian Al-Quran di Machang Kelantan khususnya di Mukim Baka. Selain itu kajian ini juga ingin melihat kaedah-kaedah yang digunakan dalam pengajaran beliau serta implikasi daripada kelas pengajian Al-Quran tersebut. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan, temubual dan pemerhatian. Hasil dapatan kajian mendapati beliau telah berjaya menubuhkan kelas mengaji Al-Quran secara percuma di surau Shafie, melahirkan ramai murid mengaji Al-Quran yang berkualiti dan mengadakan Haflah Bacaan Yaasin atau Al-Quran yang melibatkan pelbagai kampung pada setiap hari Jumaat, di samping memberi implikasi positif dengan membuka ruang yang luas untuk mereka menambahkan pengetahuan tentang Al-Quran, kemahiran membaca Al-Quran dan motivasi untuk beramal dengan ajaran Al-Quran.

Kesimpulannya peranan wanita dalam medan dakwah adalah signifikan sebagai pembentuk generasi dan penggerak masyarakat ke arah yang lebih baik dan harmoni.

Kata Kunci: *Pengajaran Al-Quran, Hajjah Khadijah, Machang, Kelantan, Dakwah Wanita*

Abstract: *Da‘wah (Islamic propagation) is the cornerstone of the continuity of the ummah and the advancement of civilisation. It is not limited to men alone, but also involves women who play significant roles in its development. This is exemplified by Hajjah Khadijah binti Abdullah in her efforts to ensure the continuity and excellence of Qur’anic generations. The objectives of this study are to identify the background of a Qur’anic figure in Machang, Kelantan, namely Hajjah Khadijah binti Abdullah, and to analyse her role in the development of Qur’anic studies in Machang, Kelantan, particularly in Mukim Baka. In addition, this study examines the methods applied in her Qur’anic teaching and the implications arising from the Qur’anic learning classes conducted by her. This study employs a qualitative research design using library research, interviews, and observations as data collection methods. The findings reveal that Hajjah Khadijah binti Abdullah successfully established free Qur’anic learning classes at Surau Shafie, produced many competent Qur’anic learners, and organised Haflah Recitation of Yaasin or the Qur’an involving various villages every Friday. Furthermore, her efforts have generated positive implications by providing wider opportunities for the community to enhance their knowledge of the Qur’an, improve their Qur’anic reading skills, and develop motivation to practise the teachings of the Qur’an. In conclusion, the role of women in the field of da‘wah is significant as they contribute to shaping future generations and encouraging communities towards a better and more harmonious society.*

Keywords: *Qur’anic Teaching, Hajjah Khadijah, Machang, Kelantan, Women’s Da‘wah*

Pengenalan

Mengajar al-Quran merupakan salah satu tuntutan penting dalam Islam bagi memastikan Kalamullah terus dipelajari, difahami dan diamalkan dalam kehidupan umat Islam. Al-Quran bukan sekadar kitab suci yang dibaca untuk mendapatkan ganjaran pahala, bahkan menjadi sumber panduan utama dalam membentuk keperibadian, akhlak serta kesejahteraan kehidupan manusia. Dalam keseluruhan korpus berkaitan al-Quran, kitab suci ini secara konsisten digambarkan sebagai sumber panduan utama yang membimbing manusia dari aspek pemikiran, tindakan, pembelajaran, hubungan sesama manusia serta menghadapi pelbagai cabaran kehidupan dan tidak hanya terbatas kepada amalan pembacaan bagi memperoleh ganjaran Rohani semata-mata (Mursidin, 2023). Sejarah perkembangan Islam menunjukkan bahawa pendidikan al-Quran menjadi asas utama dalam pembinaan masyarakat Islam sejak zaman Rasulullah SAW. Baginda SAW sendiri memberi perhatian yang besar terhadap usaha mempelajari dan mengajarkan al-Quran kerana proses tersebut merupakan salah satu bentuk penyampaian dakwah yang berterusan. Perkara ini selari dengan firman Allah SWT menerusi surah Āli ‘Imrān ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksud: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah

(buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya.”(Āli ‘Imrān, 3: 104).

Ayat ini menunjukkan bahawa usaha menyeru manusia kepada kebaikan merupakan tanggungjawab yang perlu digerakkan oleh sebahagian umat Islam. Dalam konteks pengajaran al-Quran, aktiviti mengajar bacaan, kefahaman dan penghayatan al-Quran merupakan sebahagian daripada manifestasi dakwah yang bertujuan memastikan ajaran Islam terus berkembang dalam masyarakat. Kajian berkaitan pendidikan al-Quran di Malaysia menunjukkan bahawa pengajaran al-Quran bukan hanya tertumpu kepada aspek kemahiran membaca, tetapi turut melibatkan pembangunan kaedah pedagogi yang sistematik bagi memastikan proses pembelajaran lebih berkesan (Elatrash et al., 2020).

Dalam konteks pengajaran al-Quran, guru memainkan peranan yang besar sebagai penyampai ilmu serta pembimbing masyarakat dalam memahami dan menghayati ajaran yang terkandung dalam al-Quran. Keberkesanan pengajaran al-Quran banyak dipengaruhi oleh pengalaman, pengetahuan pedagogi dan kompetensi seseorang guru. Kajian oleh Awang Japilan et al. (2024) mendapati bahawa pengalaman mengajar mempunyai hubungan dengan aspek pengetahuan pedagogi kandungan guru dalam pengajaran tilawah al-Quran. Hal ini menunjukkan bahawa seseorang guru al-Quran bukan sahaja memerlukan penguasaan bacaan yang baik, bahkan perlu memiliki keupayaan memilih pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap dan keperluan pelajar.

Selain itu, Kepentingan membaca dan mempelajari al-Quran turut dijelaskan melalui hadis Rasulullah SAW yang memperumpamakan orang yang membaca al-Quran dengan sesuatu yang baik, memberi manfaat dan mempunyai nilai positif kepada kehidupan manusia. Hal ini sebagaimana hadis riwayat al-Bukhārī daripada Abu Musa al-Asy‘ari bahawa Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنَا هُدْبَةُ بْنُ خَالِدٍ أَبُو خَالِدٍ، حَدَّثَنَا هَمَّامٌ، حَدَّثَنَا قَتَادَةُ، حَدَّثَنَا أَنَسٌ، عَنْ أَبِي مُوسَى، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " مَثَلُ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَالْأَنْزُجَةِ طَعْمُهَا طَيِّبٌ وَرِيحُهَا طَيِّبٌ وَالَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَالنَّخْمَةِ طَعْمُهَا طَيِّبٌ وَلَا رِيحَ لَهَا، وَمَثَلُ الْفَاجِرِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الرَّيْحَانَةِ رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ، وَمَثَلُ الْفَاجِرِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْحَنْظَلَةِ طَعْمُهَا مُرٌّ وَلَا رِيحَ لَهَا.

Terjemahan: Daripada Abu Musa al-Asya'ari, bahawa Nabi SAW bersabda "Orang mukmin yang membaca al-Qur'an umpama buah al-utrujjah(sejenis buah limau). Baunya harum dan rasanya enak. Orang mukmin yang tidak membaca al-Qur'an umpama buah kurma, ia tidak mempunyai bau tetapi rasanya sedap dan manis. Orang munafiq yang membaca al-Qur'an umpama buah raihanah (sejenis pokok). Baunya sedap tetapi rasanya pahit. Orang munafiq yang tidak membaca al-Qur'an umpama petola atau labu, ia tidak mempunyai bau dan rasanya pahit." [Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no.hadith:5020]

Hadis ini menggambarkan bahawa hubungan seseorang Muslim dengan al-Quran memberikan kesan besar terhadap pembentukan nilai dan peribadi seseorang. Individu yang sentiasa berinteraksi dengan al-Quran bukan sahaja memperoleh ganjaran daripada pembacaan tersebut, bahkan turut membentuk kehidupan yang lebih baik melalui penghayatan terhadap ajaran yang terkandung di dalamnya. Oleh itu, usaha memperluaskan pengajian al-Quran dalam masyarakat merupakan satu keperluan yang berterusan bagi memastikan

generasi Muslim bukan sahaja mampu membaca al-Quran, tetapi turut memahami dan mengamalkan nilai yang terkandung dalam kitab suci tersebut.

Keberkesanan dakwah melalui pengajaran al-Quran bergantung kepada kebijaksanaan pendakwah dalam memilih pendekatan yang sesuai dengan keadaan masyarakat. Prinsip ini bertepatan dengan konsep dakwah *bil hikmah* yang menekankan kaedah penyampaian secara berhikmah, penuh kesabaran dan mengambil kira latar belakang golongan sasaran. Dalam konteks ini, guru al-Quran yang berinteraksi secara langsung dengan masyarakat memainkan peranan sebagai agen perubahan sosial melalui proses pendidikan yang berterusan. Pendekatan pengajaran yang bersifat mesra masyarakat seperti kelas al-Quran di masjid, surau dan rumah persendirian telah menjadi salah satu medium penting dalam memastikan ilmu al-Quran terus berkembang dalam komuniti Islam.

Guru al-Quran dalam kalangan muslimat turut memainkan peranan yang signifikan dalam perkembangan dakwah Islam, khususnya dalam mendekati kelompok wanita, kanak-kanak dan keluarga. Penglibatan wanita dalam medan dakwah bukanlah sesuatu yang asing dalam sejarah Islam kerana golongan wanita sejak zaman Rasulullah SAW telah memberikan sumbangan besar dalam penyebaran ilmu dan pembinaan masyarakat Islam. Dalam konteks semasa, wanita Muslim bukan sahaja berperanan dalam lingkungan keluarga, bahkan turut terlibat sebagai pendidik, pembimbing agama dan penggerak aktiviti kemasyarakatan berasaskan nilai Islam. Kajian Abdullah dan Abdullah (2019) menunjukkan bahawa wanita Muslim mempunyai peranan penting dalam menyampaikan dakwah kepada keluarga dan masyarakat melalui pelbagai pendekatan yang bersesuaian dengan keperluan semasa.

Walaupun pelbagai kajian telah dilakukan berkaitan pendidikan al-Quran, kaedah pengajaran serta kompetensi guru al-Quran, kajian terhadap tokoh wanita yang menyumbang kepada perkembangan pengajian al-Quran di peringkat komuniti masih kurang diketengahkan. Sumbangan individu yang menggerakkan kelas pengajian al-Quran secara sukarela dalam masyarakat mempunyai nilai sejarah dan sosial yang signifikan, khususnya dalam membentuk budaya ilmu setempat. Dalam konteks negeri Kelantan yang kaya dengan tradisi keilmuan Islam, pengajian al-Quran berkembang melalui pelbagai saluran seperti masjid, surau dan kelas masyarakat. Oleh itu, dokumentasi terhadap tokoh-tokoh wanita yang berperanan dalam menghidupkan budaya pembelajaran al-Quran penting untuk merekodkan sejarah pendidikan Islam tempatan serta menjadi inspirasi kepada generasi akan datang.

Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan kepada Hajjah Khadijah binti Abdullah sebagai salah seorang tokoh wanita yang memainkan peranan penting dalam perkembangan pengajian al-Quran di Machang, Kelantan khususnya di Mukim Baka. Kajian ini bertujuan mengenal pasti latar belakang beliau serta menganalisis sumbangan dan peranan yang dimainkan dalam memperkembangkan pengajian al-Quran dalam kalangan masyarakat setempat. Selain itu, kajian ini turut meneliti kaedah pengajaran yang digunakan serta implikasi daripada pelaksanaan kelas pengajian al-Quran tersebut terhadap masyarakat. Melalui kajian ini, diharapkan sumbangan wanita dalam bidang dakwah dan pendidikan al-Quran dapat diketengahkan sebagai satu bentuk penglibatan masyarakat yang signifikan dalam memastikan kesinambungan ilmu al-Quran terus terpelihara.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif bagi meneliti secara mendalam peranan Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah dalam perkembangan pengajian al-Quran di Machang, Kelantan khususnya di Mukim Baka. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia bersesuaian untuk memahami pengalaman, pandangan dan sumbangan individu yang terlibat secara langsung dengan fenomena kajian. Menurut Creswell dan Poth (2018), pendekatan kualitatif membolehkan pengkaji meneroka sesuatu fenomena sosial atau kemanusiaan berdasarkan perspektif peserta kajian melalui pengumpulan data secara mendalam. Pengumpulan data utama dilakukan melalui kaedah temu bual secara separa berstruktur secara bersemuka. Seramai empat orang responden dalam kalangan anak murid yang pernah mengikuti kelas pengajian al-Quran bersama Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah di Surau Shafie telah dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan pengalaman mereka serta keupayaan dalam memberikan maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian. Pemilihan responden melibatkan murid yang mempunyai tahap penguasaan bacaan al-Quran yang baik, sederhana dan lemah bagi memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh tentang kaedah pengajaran serta keberkesanan kelas pengajian al-Quran yang dijalankan. Selain itu, anak-anak beliau turut ditemu bual bagi mendapatkan maklumat tambahan berkaitan latar belakang, perjalanan dakwah serta sumbangan beliau dalam pengembangan pengajian al-Quran. Kaedah temu bual ini digunakan kerana ia mampu menghasilkan data yang mendalam berkaitan pengalaman dan pandangan peserta terhadap sesuatu fenomena yang dikaji (Merriam & Tisdell, 2016).

Selain temu bual, kajian ini turut menggunakan kaedah kepustakaan melalui analisis dokumen serta kaedah pemerhatian bagi menyokong dapatan kajian. Bahan dokumentasi seperti gambar, poster, rekod aktiviti dan bahan berkaitan kelas pengajian al-Quran dianalisis sebagai sumber data tambahan bagi mengukuhkan maklumat yang diperoleh daripada temu bual. Pemerhatian turut dilakukan oleh pengkaji terhadap suasana pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang dijalankan oleh Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah bagi melihat secara langsung pendekatan pengajaran, interaksi guru dan pelajar serta keadaan kelas pengajian tersebut. Penggunaan pelbagai sumber data ini dapat meningkatkan kesahan kajian melalui proses triangulasi data (Yin, 2018). Bagi kaedah analisis data pula, kajian ini menggunakan pendekatan induktif dan deduktif. Pendekatan induktif digunakan bagi mengenal pasti tema-tema utama berdasarkan data khusus yang diperoleh daripada temu bual dan pemerhatian, manakala pendekatan deduktif digunakan untuk menghubungkan dapatan kajian dengan konsep yang berkaitan. Menurut Mohd Micheal Abdullah (1995), kaedah induktif merujuk kepada proses membuat kesimpulan daripada perkara khusus kepada perkara umum, manakala kaedah deduktif pula bergerak daripada sesuatu pernyataan umum kepada penelitian yang lebih khusus. Oleh itu, pendekatan kualitatif melalui gabungan temu bual, dokumentasi dan pemerhatian ini membolehkan kajian menghasilkan pemahaman yang lebih menyeluruh berkaitan peranan Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah sebagai tokoh pengajian al-Quran dalam pembangunan masyarakat setempat.

Latar Belakang Hajjah Khadijah binti Abdullah

Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah bin Lebai Ismail bin Lebai Samad dilahirkan pada 7 Disember 1945. Beliau merupakan anak sulung daripada 5 beradik. Beliau berkahwin dengan Haji Safie bin Haji Abd. Rahman dan dikurniakan 13 orang cahaya mata iaitu 9 lelaki dan 4 perempuan.

Haji Awang Abdullah bin Lebai Ismail bin Lebai Samad telah dilahirkan pada tahun 1899 di kampung Kok Kiak mukim Baka daerah Machang Kelantan. Ayahnya iaitu Lebai Ismail berasal daripada Peringat Kota Bharu dan beliau mempunyai 5 orang adik beradik. Penghijrahan arwah datuknya bertitik tolak daripada ribut besar yang melanda Kota Bharu suatu ketika dahulu dan menyebabkan Lebai Ismail berpindah dan menetap di Kampung Baka, Machang Kelantan.

Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah sebenarnya telah meneruskan legasi keluarga beliau dalam pengajaran Al-Quran di Mukim Baka yang telah berlangsung sebelum merdeka lagi sehinggalah diteruskan oleh beliau sampai sekarang.

Moyangnya, iaitu Lebai Ismail bin Lebai Samad turut tersenarai sebagai tokoh ulama negeri Kelantan dan riwayat hidup beliau telah dicatatkan dalam buku terbitan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) bertajuk Tarikh Ulamak Kelantan Sejak Awal Sehingga Tahun 2000 serta dalam buku bertajuk Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1). Menurut apa yang ditulis, Lebai Ismail bin Abdul Samad berasal dari Kampung Baka, Machang yang mana pernah berkhidmat sebagai penghulu kampung dan beliau Berjaya mendirikan pusat pengajian tradisional setelah menimba ilmu daripada para guru yang mahsyur pada zamannya termasuklah Tok Kenali dan juga Tok Kemuning.

Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah turut mendapat pengiktirafan melalui penerimaan Ijazah Sanad Bacaan 30 Juz al-Quran daripada Sheikh Abdul Azim Sya'ban Sultan di Mesir. Pengiktirafan sanad tersebut menunjukkan tahap penguasaan dan keterikatan beliau dengan tradisi keilmuan al-Quran yang mempunyai rantai periwayatan ilmu secara bersambung. Selain pengiktirafan dalam bidang pengajian al-Quran, sumbangan beliau terhadap masyarakat turut mendapat perhatian daripada pihak kerajaan negeri Kelantan. Beliau telah dinobatkan sebagai Tokoh Ibu Mithali dan seterusnya menerima Anugerah Khas Tokoh Mawaddah Negeri Kelantan pada 7 September 2024 bersamaan 3 Rabiulawal 1446H sebagai penghargaan terhadap jasa dan sumbangan beliau dalam pembangunan masyarakat.

Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini akan menjelaskan berkenaan peranan yang dimainkan oleh Hajjah Khadijah binti Abdullah dalam pengajian Al-Quran yang diadakan di surau Shafie sehingga melahirkan ramai penerus dalam pengajian Al-Quran di Mukim Baka Daerah Machang Kelantan dan implikasi dari kelas tersebut terhadap penduduk kampung.

Antara kaedah pengajaran Al-Quran yang digunakan oleh beliau adalah:

1. *Talaqqi Musyafahah*

Kaedah talaqqi musyafahah boleh dikatakan sebagai kaedah pembelajaran al-Quran yang tertua pernah wujud dalam sejarah dunia (M.S. Moktar & M.F Mohd Sharif, 2021). Kaedah ini juga boleh dikatakan sebagai kaedah yang tepat dan terbaik dalam meneruskan kesinambungan pembelajaran al-Quran (A.A Abdullah, 2021). Talaqqi musyafahah merupakan gabungan daripada dua perkataan iaitu talaqqi dan musyafahah. Talaqqi adalah pertemuan antara murid dan guru secara individu atau berkumpulan dalam memperbetul bacaan al-Quran. Guru sebagai sumber contoh dan seterusnya akan meneliti bacaan daripada murid dan menegur setiap kesalahan bacaan yang dilakukan oleh murid. Manakala musyafahah pula adalah satu keadaan guru sebagai sumber contoh bacaan al-Quran yang tepat dan para pelajar akan mengikuti bacaan guru tersebut satu persatu (M.Z Shafiai & M.M Abdul

Rahim, 2021). Kaedah talaqqi musyafahah ini adalah di mana para pelajar akan bersemuka dengan para guru dan melihat pergerakan bibir guru (N.H. Zainal Abidin, 2019). Dalam kaedah ini akan berlakunya interaksi dua hala antara guru dan pelajar. Guru akan berusaha untuk menyemak bacaan para pelajar dan para pelajar akan berusaha untuk mengikuti bacaan yang tepat daripada guru (S.S. Sulaiman 2018).

Menurut kesemua responden yang juga merupakan murid mengaji Al-Quran dengan Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah, beliau sememangnya menggunakan kaedah tersebut bagi memastikan murid-murid beliau dapat membaca Al-Quran dengan betul. Perkara ini diperakui sendiri oleh Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah kerana kaedah secara talaqqi musyafahah ini lebih berkesan untuk dipraktikkan memandangkan para murid berada di hadapan guru dan senang ditegur jika berlaku kesilapan dalam bacaan terutama yang berkaitan hokum tajwid, makhraj huruf, sifat huruf dan sebagainya. Hasil pemerhatian juga mendapati para murid menggunakan peluang ini sebaik mungkin agar bacaan yang dibaca adalah betul dan tepat.

2. *Tasmik*

Tasmik bermaksud pelajar memperdengarkan bacaan baharu kepada guru. Kaedah ini sesuai digunakan untuk menyemak kembali bacaan murid. Melalui kaedah ini guru dapat mengesan tahap pencapaian bacaan seseorang murid. Secara tidak langsung dapat memperbetulkan semula bacaan murid yang didapati kurang sempurna dan jelas. Dengan kaedah ini juga guru dapat membimbing murid agar dapat membaca Al-Quran dengan tepat. *Tasmik* bacaan perlu dilaksanakan secara bersemuka kerana guru dapat mengetahui kelemahan bacaan pelajar dalam waktu yang cepat. Guru juga dapat memperbaiki bacaan pelajar dengan tepat. Guru dapat mengetahui dan mengenal pasti tahap kebolehan sebenar pelajar. Guru dapat memastikan pelajar tidak melakukan kesilapan serta dapat mendisiplinkan pelajar dengan cara yang berkesan (Abdul Hafiz & Nursafazilah 2016). Kaedah *tasmik* sangat sesuai diaplikasikan kepada semua peringkat dari kanak-kanak hinggalah orang dewasa. Melalui kaedah ini guru dapat mengesan dengan cepat penguasaan pelajar terhadap ayat bacaan yang diajar (Musliza dan Mokmin 2014).

Menurut kesemua responden Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah akan mendengar bacaan murid-murid beliau sementara sampai giliran bacaan murid tersebut sebagaimana yang dipersetujui. Hal ini diakui sendiri oleh Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah kerana kaedah *tasmik* ini sangat penting agar murid lebih bersedia apabila berhadapan dengan guru disebabkan oleh mereka telah membacanya terlebih dahulu. Selain mereka lebih berhati-hati dengan pelbagai hukum tajwid, wakaf ibtidak, makhraj huruf dan lain-lain lagi. Menurut pemerhatian pengkaji kaedah tersebut dilakukan sebaik mungkin agar pelajar dapat memperbaiki seterusnya dapat meningkatkan mutu bacaan ke arah yang lebih baik dan betul.

3. *Tikrar*

Kaedah *Tikrar* bermaksud pengulangan dalam bacaan ayat-ayat suci al-Quran. Kajian yang dilakukan oleh Nurlaila (2020) membuktikan bahawa kaedah *tikrar* ini mampu mengatasi buta huruf al-Quran sehingga membuatkan mereka yang tidak celik al-Quran menjadi celik atau tahu untuk membaca al-Quran.

Menurut kesemua responden Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah akan meminta murid-muridnya mengulang bacaan selagi mana tidak menepati bacaan yang sebenar dan hanya akan berpindah ke ayat atau surah baru setelah beliau berpuas hati dengan bacaan murid-muridnya. Ini diakui sendiri oleh Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah kerana bagi beliau pengulangan

bacaan akan menyebabkan ingatan murid terhadap apa sahaja hukum tajwid dan sebagainya dalam ayat tersebut akan diingat dengan baik dan diteliti sebaik mungkin. Menurut pemerhatian pengkaji, kaedah tersebut dilakukan dan para murid dapat menerimanya dengan baik demi untuk memperelokkan bacaan dari semasa ke semasa.

4. *Tadarus*

Menurut kesemua responden Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah akan meminta murid-muridnya bertadarus Al-Quran terutama pada bulan Ramadhan agar menjadi pemangkin dan memberi motivasi kepada diri untuk terus membudayakan Kalamullah dalam kehidupan. Ini diakui sendiri oleh Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah kerana bagi beliau dengan tadarus Al-Quran akan mengingatkan para murid dengan ilmu Al-Quran yang telah diajar dan dipelajari.

5. Mengikut Kemampuan Murid

Menurut responden 1 dan 2 mereka diletakkan sebagai murid yang boleh membaca Al-Quran dengan baik dan Hajjah Khadijah juga akan meminta mereka mendengar bacaan murid-murid lain yang masih lemah dan memperbetulkan mereka sebelum giliran bacaan mereka tiba dan akan diperbetulkan pula oleh guru mereka iaitu Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah. Manakala menurut responden ke 3 dan 4 mereka pula tergolong dalam kalangan yang masih belum dapat membaca Al-Quran dengan baik dan Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah tidak akan meletakkan mereka sekali dengan pelajar yang sudah mahir. Apabila temubual dijalankan, Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah mengakui perkara tersebut dan beliau mempunyai jawapan yang tersendiri iaitu untuk mengelakkan tekanan kepada para murid dan mereka dikategorikan mengikut tahap penguasaan bacaan Al-Quran masing-masing. Menurut pemerhatian pengkaji juga, para murid dilihat menerimanya dengan baik dan seronok untuk datang ke kelas lagi.

Kesemua kaedah ini bertepatan dengan sejarah pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang bermula sejak zaman Rasulullah SAW melalui perantaraan Jibril AS. Proses pengajaran al-Quran antara Rasulullah SAW dan Jibril AS menunjukkan bahawa penyampaian al-Quran berlaku secara langsung melalui kaedah mendengar, mengikut bacaan dan memperbetulkan kesalahan. Berdasarkan tradisi tersebut, dapat disimpulkan bahawa terdapat empat teknik utama dalam pengajaran al-Quran iaitu *talaqqi*, *musyafahah*, *tasmi* dan *tadarus*. Kaedah *talaqqi* merujuk kepada proses pembelajaran al-Quran secara bersemuka dengan mengikuti bacaan guru secara langsung, manakala *musyafahah* pula melibatkan proses murid melihat pergerakan bibir guru ketika menyebut ayat al-Quran bagi memastikan ketepatan makhraj dan sebutan. Seterusnya, kaedah *tasmi* ialah proses memperdengarkan bacaan kepada guru untuk tujuan semakan dan pembetulan, manakala *tadarus* pula melibatkan aktiviti seorang membaca al-Quran dan yang lain mendengar dengan penuh perhatian agar kesalahan bacaan dapat diperbaiki sama ada antara murid dengan guru atau sesama murid. Sebagai galakan kepada golongan yang membaca dan mempelajari al-Quran, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa mereka terbahagi kepada dua golongan, iaitu *muhsin ma'jur* dan *musi' ma'jur*. *Muhsin ma'jur* merujuk kepada individu yang membaca al-Quran dengan baik serta bertepatan dengan hukum tajwid, Manakala *musi' ma'jur* pula ialah individu yang membaca al-Quran dalam keadaan tersekat-sekat serta masih berusaha memperbaiki bacaannya sebagaimana sabda Baginda SAW:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ الْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّقَرَةِ الْكَرَامِ الْبَرَّةِ، وَالَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ، وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ، لَهُ أَجْرَانِ

Maksudnya: Daripada Aisyah RA, Rasulullah SAW bersabda: "Orang yang mahir membaca al-Quran akan bersama para malaikat yang mulia lagi taat. Adapun orang yang membaca al-Quran dalam keadaan tergagap-gagap (tersekat-sekat) dan mengalami kesukaran membacanya, maka baginya dua pahala."

[Sahih Muslim, No. Hadith: 798]

Hal ini menunjukkan bahawa setiap usaha mempelajari dan membaca al-Quran mempunyai nilai yang besar di sisi Allah SWT, sekali gus memperlihatkan kepentingan peranan guru al-Quran dalam membimbing masyarakat melalui kaedah pengajaran yang berkesan.

Hasil pemerhatian mendapati bahawa kesemua responden yang merupakan murid kepada Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah menunjukkan minat dan keseronokan terhadap kaedah pengajaran yang digunakan oleh beliau sepanjang sesi pengajian berlangsung. Para murid juga dilihat aktif berinteraksi dengan guru melalui pertanyaan dan perbincangan berkaitan pembelajaran al-Quran yang dijalankan. Selain itu, kesemua murid yang mengikuti kelas pengajian tersebut menunjukkan semangat dan komitmen yang tinggi untuk terus hadir mempelajari al-Quran bersama Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah. Keadaan ini menggambarkan bahawa pendekatan pengajaran yang digunakan oleh beliau bukan sahaja membantu meningkatkan kemahiran bacaan al-Quran, malah turut mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa, menarik dan mendorong para murid untuk terus mengikuti pengajian secara berterusan.

Implikasi Kelas Pengajian Al-Quran

Terdapat implikasi yang besar dengan pengajaran Al-Quran yang dilakukan oleh Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah kepada masyarakat kampung di Mukim Baka, Machang Kelantan. Ini sebagaimana Sharifah Norshah Bani Syed Bidin (2011), setiap bacaan guru diikuti oleh murid, dan guru akan membetulkan kesilapan bacaan murid secara langsung. Di sini, terbitnya unsur-unsur tarbiah secara tidak langsung daripada guru kepada muridnya. Ini ditambah lagi, pengajaran merupakan sebahagian daripada proses pendidikan yang berterusan serta mengandungi unsur-unsur lain seperti latihan, bimbingan dan pimpinan dengan tumpuan khas kepada pemindahan pelbagai ilmu, nilai agama dan budaya serta kemahiran yang berguna untuk diaplikasikan oleh individu (pengajar atau pendidik) kepada individu yang memerlukan pendidikan itu. Justeru, dalam proses pengajaran dan pembelajaran, manusia merupakan unsur terpenting kerana ia objek utama dalam proses pendidikan.

Kesemua responden kajian mengakui bahawa dengan menghadiri kelas pengajian al-Quran yang diadakan oleh Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah memberikan kesan yang baik buat mereka. Antaranya ialah:

1. Peningkatan Dalam Penguasaan Hukum Tajwid

Kesemua responden menyatakan bahawa penglibatan mereka dalam kelas pengajian al-Quran bersama Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah telah memberikan perubahan positif ke arah peningkatan dalam pembacaan Al-Quran. Selain itu, responden turut mengakui bahawa keperibadian Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah sebagai seorang guru yang berilmu, sabar dan teliti dalam membimbing pelajar menjadi contoh teladan kepada mereka. Hal ini menunjukkan bahawa keberkesanan pengajaran al-Quran bukan sahaja bergantung kepada kaedah yang digunakan, tetapi turut dipengaruhi oleh kredibiliti dan keperibadian guru dalam membimbing para pelajar.

2. Dapat Memberi Kesan Yang Baik Kepada Jiwa

Kesemua responden turut mengakui bahawa penyertaan dalam kelas pengajian al-Quran bersama Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah ini mereka dapat memotivasikan diri untuk terus bersama Kalamullah dan mengikuti ajaran Islam dalam kehidupan dengan sebenar-benarnya. Pengajian al-Quran bukan sahaja membantu meningkatkan kemahiran membaca, bahkan turut menjadi medium untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT serta membentuk motivasi dalaman untuk mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Responden melihat kesungguhan, kesabaran dan dedikasi Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah dalam menyampaikan ilmu walaupun telah berusia 84 tahun sebagai satu inspirasi yang mendorong mereka untuk terus mempelajari al-Quran. Keadaan ini menunjukkan bahawa guru al-Quran bukan hanya berperanan sebagai penyampai ilmu, tetapi juga sebagai pembimbing rohani yang mampu memberikan pengaruh positif terhadap pembentukan sikap, nilai dan semangat keagamaan dalam kalangan masyarakat.

3. Mengeratkan Silaturrahim

Selain memberikan peningkatan dari aspek ilmu al-Quran, kelas pengajian yang dikendalikan oleh Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah turut memberi implikasi dalam aspek hubungan sosial masyarakat. Kesemua responden menyatakan bahawa penyertaan dalam kelas tersebut membuka ruang kepada mereka untuk berinteraksi, berkenalan dan mengeratkan hubungan silaturrahim sesama peserta pengajian. Perhimpunan secara berkala dalam majlis ilmu berasaskan al-Quran telah mewujudkan suasana kebersamaan, saling mengambil berat dan budaya bertukar nasihat ke arah kebaikan. Di samping itu, peranan Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah dalam menggalakkan murid-muridnya supaya sentiasa menjaga hubungan sesama manusia menunjukkan bahawa pengajian al-Quran yang dilaksanakan bukan hanya memberi fokus kepada aspek pembelajaran bacaan, tetapi turut membentuk nilai ukhuwah Islamiah dalam masyarakat. Perkara ini menggambarkan bahawa kelas pengajian al-Quran berfungsi sebagai salah satu medium pembangunan komuniti melalui pengukuhan hubungan sosial berasaskan nilai keimanan dan ketakwaan.

4. Berharap Usaha Murni Ini Berterusan

Kesemua responden turut menyatakan harapan agar usaha murni yang telah dimulakan oleh Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah dapat diteruskan oleh generasi seterusnya, khususnya anak-anak beliau, agar kesinambungan pengajian al-Quran di Mukim Baka, Machang dapat dikekalkan. Harapan ini menunjukkan bahawa kelas pengajian al-Quran tersebut bukan sahaja dilihat sebagai aktiviti pembelajaran semata-mata, tetapi telah menjadi sebahagian daripada warisan keilmuan dan budaya masyarakat setempat. Kesinambungan usaha ini penting bagi memastikan masyarakat terus mempunyai ruang untuk mempelajari al-Quran serta mengekalkan tradisi pengajian Islam yang telah berkembang sejak sekian lama. Selain itu, penerusan legasi ini juga memperlihatkan kepentingan pewarisan ilmu antara generasi agar sumbangan tokoh seperti Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah tidak terhenti, sebaliknya terus memberi manfaat kepada masyarakat pada masa hadapan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa kelas pengajian al-Quran yang dijalankan oleh Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah merupakan satu medium dakwah dan pendidikan Islam yang signifikan dalam perkembangan pengajian al-Quran di Mukim Baka, Machang, Kelantan. Usaha murni yang dilakukan oleh beliau bukan sekadar aktiviti pengajaran biasa, bahkan merupakan kesinambungan daripada tradisi keilmuan keluarga yang telah diwarisi sejak beberapa generasi terdahulu, khususnya melalui ayah beliau, Haji Abdullah bin Lebai Ismail. Kesungguhan beliau dalam meneruskan legasi pengajaran al-Quran memperlihatkan bahawa pendidikan al-Quran di peringkat komuniti mampu berkembang melalui peranan individu yang mempunyai komitmen, keilmuan dan keprihatinan terhadap masyarakat setempat.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penglibatan dalam kelas pengajian al-Quran bersama Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah telah memberikan perubahan positif terhadap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan responden. Para responden mengakui berlaku peningkatan dalam aspek hukum tajwid, sifat huruf, makhraj serta kemahiran membaca al-Quran secara keseluruhannya. Selain itu, pendekatan pengajaran yang digunakan oleh beliau turut memberikan kesan terhadap pembentukan jiwa, motivasi keagamaan dan hubungan silaturahim dalam kalangan peserta pengajian. Lebih menarik, sebahagian daripada murid beliau turut berupaya membuka kelas pengajian al-Quran sendiri kepada masyarakat setempat, sekali gus menunjukkan bahawa ilmu yang disampaikan telah berkembang dan diwariskan kepada generasi seterusnya.

Oleh itu, peranan Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah membuktikan bahawa wanita mempunyai sumbangan yang besar dalam bidang dakwah dan pendidikan Islam, khususnya melalui pengajaran al-Quran. Kelas pengajian yang diteruskan oleh beliau bukan sahaja melahirkan individu yang mampu membaca al-Quran dengan baik, bahkan turut membentuk masyarakat yang lebih dekat dengan Kalamullah serta mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan. Justeru, usaha mendokumentasikan tokoh seperti Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah amat penting bagi memastikan sumbangan tokoh wanita dalam perkembangan pengajian al-Quran di peringkat komuniti terus dihargai dan menjadi inspirasi kepada generasi akan datang.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- A.A Abdullah, A.A Che Ibrahim, S. Abu Hasan & Mahmood Sabtu. “*Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan AlQuran: Satu Kajian Di Sekolah Menengah/Maahad Hafiz Jeram (Banat) Dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang*”. Jurnal ‘Ulwan Special Issue I: Kolokium Penyelidikan Ijazah Tinggi. Jilid 6 (Bil.1) 2021: 80-94.
- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah dan Nursafazilah Binti Maksom. 2016. *Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta’alim, Kg Tengah Kluang*. Dlm. Zulkifli Mohd Yakub bin Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*. Darul Quran JAKIM: Selangor.
- Awang Japilan, N. H., Muhammad, N., & Saili, J. (2024). *Dimensi pengalaman mengajar dan pengetahuan pedagogi kandungan dalam pengajaran tilawah al-Quran: Sebuah analisis korelasi*. Journal of Islamic Educational Research, 10(1). <https://doi.org/10.22452/jier.vol10no1.8>
- Abdullah, N. E. A., & Abdullah, B. (2019). Peranan wanita Muslimah dalam dakwah kepada keluarga dan masyarakat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(2), 16–27. <https://doi.org/10.37231/jimk.2019.20.2.207>
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Elatrash, R. J., Ahmed, M. A. H., Shukri, A. K., & Al-Hamwi Al-Olabi, A. (2020). *Contemporary curricula for Quranic education in Malaysia (An applied originals study)*. Al-Risalah: Journal of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, 4(4). <https://doi.org/10.31436/alrisalah.v4i4.265>
- Mohd Micheal Abdullah. (1995). *Pemikir Kritis*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka. 103.
- Muslim bin al-Hajjaj, t.th., *al-Jami’ al-Sahih*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Musliza Musa dan Mokmin Basri. (2014). *Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Moden: Satu Kajian Awal*. Proceeding of the Social Sciences Research. 9-10 June, Kota Kinabalu, Sabah.
- M.S. Moktar & M.F Mohd Sharif. “*Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Tilawah Al-Quran*”. MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB). Bil. 32 (1), 153- 174, 2021 (Jun) E-ISSN 2590-4086.
- M.Z Shafiai & M.M Abdul Rahim. “*Hubungan Talaqqi Musyafahah dengan Bacaan Al-Quran Dan Qiraat Pelajar Institusi Tahfiz Di Negeri Perak*”. UFUQ International Journal Of Arts And Social Science Research. 1(2), 62-74. 2021.
- Mursidin, M. (2023). Islamic Psychology and Quranic Ethics: A Framework for Developing Resilience and Coping Skills in the Modern World. *International Journal of Nusantara Islam*. doi: 10.15575/ijni.v11i1.26221.
- Nurlaila. (2020). *Implementasi Metode TIKRAR dalam Mengatasi Buta Aksara Membaca Al-Qur'an di Desa Muara Batun Kecamatan Jejawi Kabupaten Ogan Komering Ilir*, El-Kiraas: Jurnal Pengabdian kepada Masyarakat, Vol 1 No 1.
- N.H. Zainal Abidin, N. Omar & N.H. Yusof. “*Konsep Dan Pelaksanaan Kaedah Talaqqi Dan Musyafahah Dalam Pembelajaran Al-Quran*”. Malaysian Journal For Islamic Studies E ISSN 2550- 2042 Vol 3, Bil 1 2019 27.
- S.S. Sulaiman. “*Kaedah Hafazan : Suatu Tinjauan Ringkas*”. E-Journal Of Islamic Thought And Understanding .Volume 2 Issue 1 January 2018 [Http://ejitu.uitm.edu.my/](http://ejitu.uitm.edu.my/) E-ISSN:2006- 9617 Page 4

- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin Nor Salimah Abu Mansor Zulkifli A. Manaf. (2011). *Pelaksanaan Manhaj Rasulullah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kelas Al-Quran Bagi Golongan Dewasa*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Keluaran Khas, 2011, 53-70
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). SAGE Publications.

Maklumat Temubual

Temubual

Hajjah Khadijah binti Haji Abdullah, temubual dibuat di rumah beliau di Kampung Ayer Merah, Jalan Bukit Bakar, Machang Kelantan. Temubual ini dibuat pada hari Jumaat 22 Mei 2026.

Responden 1: Hajjah Kamariah binti Haji Yusuf, temubual dibuat di rumah beliau di Kampung Ayer Merah, Jalan Bukit Bakar, Machang Kelantan. Temubual ini dibuat pada hari Jumaat 29 Mei 2026.

Responden 2: Che Noriza binti Che Nuri, temubual dibuat di rumah beliau di Kampung Baka, Machang Kelantan. Temubual ini dibuat pada hari Jumaat 29 Mei 2026.

Responden 3: Hajjah Maryam binti Mustapha, temubual dibuat di rumah beliau di Kampung Limau Nipis, Machang Kelantan. Temubual ini dibuat pada hari Sabtu 30 Mei 2026.

Responden 4: Hajjah Wan Hasmah binti Wan Yaakob, temubual dibuat di rumah beliau di Kampung Kok Klak, Machang Kelantan. Temubual ini dibuat pada hari Sabtu 30 Mei 2026.